

# Ternpoh siapkan

UM 14 NOV 2001

Oleh ZALINA YAHAYA  
dan MOHD. ASUKI ABAS

**K**UALA LUMPUR 13 Nov. — Kementerian Pendidikan melanjutkan tempoh bagi kali ketiga, iaitu sehingga akhir Disember depan kepada semua lima kontraktor utama yang dilantik bagi menyiapkan 2,400 makmal komputer di sekolah-sekolah seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin berkata, keputusan itu dibuat memandangkan cuti persekolahan berlangsung sehingga awal tahun dan murid-murid tidak memerlukan kepada makmal komputer sehingga sekolah dibuka.

“Memandangkan sekarang cuti sekolah, murid-murid tidak terganggu dan tidak mengharap kepada makmal ini, biarkan mereka (kontraktor) menyiapkannya menjelang akhir Disember.

“Jika tidak, selepas Disember ini, kontraktor baru akan dilantik dan mana-mana kontraktor yang gagal (menyiapkan makmal) akan disenaraihitamkan. Itu bukan saya yang cakap tetapi Perdana Menteri yang cakap,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan* ketika ditemui selepas perasmian Konvensyen Perdana Guru Cemerlang 2001 oleh Perdana Menteri Datuk Seri

Dr. Mahathir Mohamad di Hotel Legend, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai perkembangan pembinaan 2,400 buah makmal komputer di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

Jumaat lalu, Aziz mendedahkan hampir semua kontraktor yang terlibat dalam pembinaan makmal komputer sekolah gagal menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan.

Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan susulan menyatakan, kontraktor utama diberikan tempoh kontrak mulai 15 November 2000 dan berakhir pada 14 Mei 2001 bagi menyiapkan semua makmal tersebut.

Projek itu dibahagikan kepada enam zon, iaitu zon

## makmal Disember

utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang), tengah (Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan), selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor), timur (Pahang, Terengganu, Kelantan), Sabah dan Sarawak.

Bagaimanapun, tempoh kontrak dilanjutkan selama tiga bulan kepada 14 Ogos 2001 selepas mengambil kira rayuan kontraktor-kontraktor yang membicarakan pelbagai alasan mengenai kegagalan mereka mematuhi jadual.

Tempoh akhir itu juga gagal dipatuhi apabila lebih 900 makmal sahaja yang masih di peringkat 63.1 peratus siap menjelang 14 Ogos.

La bagaimanapun tidak

melibatkan zon timur yang diberikan tempoh sehingga 23 November ini manakala Sabah dan Sarawak hanya baru menyelesaikan runtingan harga baru.

Berikutan perkembangan projek yang langsung tidak memuaskan, kerajaan juga telah mengambil tindakan menarik balik kontrak pembinaan bagi 160 buah makmal di zon selatan.

Berdasarkan kenyataan Kementerian Pendidikan itu, kontraktor-kontraktor yang membangunkan 1,157 buah makmal telah dikenakan denda kerugian kerana kelewatan menyiapkan makmal berkenaan.

Mcnurut Aziz, sehingga

kini antara 80 hingga 90 peratus daripada semua 2,400 makmal itu belum lagi dapat disiapkan.

“Denda lewat siap akan dikenakan kepada mereka tetapi tindakan lain, akan dikaji secara kes demi kes,” katanya ketika ditanya sama ada kementerian akan meminta polis menjalankan siasatan mengenai kemungkinan berlaku salah laku jenayah dalam isu itu.

Beliau juga mengulas mengenai pendedahan Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Datuk Roslan Awang Chik semalam bahawa hanya satu daripada lima kontraktor utama itu adalah pembinaan,

manakala empat lagi merupakan syarikat pembekal komputer.

Katanya, syarikat pembekal komputer dipilih berdasarkan pengalaman mereka berkaitan peralatan komputer.

“Lagipun dia akan dapat menyesuaikan perniagaannya kepada keperluan, kemudian menubuhkan sebuah syarikat dia sendiri seterusnya mendapat bantuan daripada subkontraktor,” tegasnya.

Masalah sekenar isu itu, tambah beliau, bukannya kerana lantikan syarikat pembekal tetapi perkembangan pembayaran yang tidak memuaskan terhadap subkontraktor.